



Ruj. Kami : JPA.(S).600-5/4/18 (2)
Tarikh : 28 November 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/
Tuan/ Puan,

URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN SETIAUSAHA PEJABAT GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan persediaan pemangkuan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk mengemukakan permohonan Setiausaha Pejabat (SP) Gred N32 yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Telah dinaikkan pangkat sebagai SP Gred N32 pada **31 Disember 2017 dan sebelum;**
- (ii) Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh naik pangkat ke SP Gred N32 berubah ke tarikh 1 Januari 2018 dan seterusnya;

..2/

- (iii) Markah LNPT tahun terkini (2022) dan markah keseluruhan LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2020, 2021, 2022) **tidak kurang 80%**;
- (iv) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);
- (v) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- (vi) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (vii) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- (viii) **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C** dan **Lampiran D** seperti dilampirkan dan mengemukakannya kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Pihak BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat perkhidmatan pegawai ke dalam **Lampiran E** dan dihantar ke alamat e-mel seperti di Perenggan 5 manakala **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C** dan **Lampiran D** hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut **sebelum atau pada 03 Januari 2024:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan juga perlu memastikan supaya **hanya maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat di Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan ini**. Selain itu, BPSM perlu **menyemak dan mengesahkan agar semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan maklumat terkini yang dicatatkan di dalam buku rekod perkhidmatan pegawai**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan urusan pemangkuan pegawai tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan pegawai yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

5. Bagi memastikan urusan ini dilaksanakan secara teratur, disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pemangkuan Jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di **Lampiran I** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) Puan Aleeza binti Mohamed Idris
Tel : 03-8885 4311
E-mel : aleeza.idris@jpa.gov.my

- (ii) Puan Nur Amirah Amanina binti Mohd Dzohiri
Tel : 03-8885 4939
E-mel : amirah.dzohiri@jpa.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KHAIREEN SHAFINA BINTI KHALIL)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4102

✉ : shafina.khalil@jpa.gov.my

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN
JAWATAN SETIAUSAHA PEJABAT (SP) GRED N36
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

